

TARIKH	4 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	Nasional

## 'Cari jalan hadapi kenaikan kos haji'

» Teruskan langkah sewa hotel jangka masa panjang

### M Makkah

**T**abung Haji akan mencari jalan untuk menyerap kos kenaikan penginapan di Makkah dan Madinah berikutan perkembangan pesat di Tanah Suci.

Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail, berkata antaranya melalui perjanjian sewa jangka panjang.

Beliau berkata, perjanjian antara lima hingga 10 tahun yang diamalkan Tabung Haji ketika ini didapati mampu mengekalkan kadar sewa dalam tempoh itu.

Katanya, meskipun terlalu awal membuat kajian berhubung kenaikan kos menunaikan rukun Islam kelima itu, Tabung Haji akan mengambil langkah sewajarnya seperti sebelum ini.

### Mampu serap kenaikan

Ismee berkata, sudah tiga tahun Tabung Haji mampu menyerap kenaikan itu walaupun kos pernerbangan meningkat akibat peningkatan harga minyak selain kenaikan sewa penginapan di Tanah Suci.

"Kos sebenar untuk seorang jemaah ialah RM15,150. Jemaah hanya mengeluarkan wang sebanyak RM9,980 dan bakinya ditanggung Tabung Haji melalui keuntungan pelaburan yang diperoleh," katanya kepada BERNAMA di sini, semalam.

Pembangunan pesat di Makkah menyaksikan bangunan lama yang menawarkan sewa murah kepada jemaah dirobohkan untuk pembinaan penempatan dan hotel lebih mewah.

Bagaimanapun, Ismee tidak menolok kemungkinan jemaah

haji Malaysia terpaksa ditempatkan di lokasi lebih jauh berbanding sekarang jika rumah penginapan dan hotel biasa di sekeliling Masjidil Haram dirobohkan untuk memberi laluan kepada pembinaan hotel lima bintang.

### Cari bangunan baru

"Kita sentiasa pantau melalui pejabat di Jeddah untuk mencari bangunan alternatif yang sesuai.

"Sebagai contoh di pejabat ini, (ibu pejabat Tabung Haji di Abraj Al-Janadriah) jaraknya sejauh 750 meter dari Masjidil Haram tetapi selepas proses pembesaran tempat suci itu, jarak menjadi lebih kurang 500 meter sahaja.

"Jika pada masa depan Tabung Haji terpaksa menyewa bangunan penginapan lebih jauh, kemudahan pengangkutan mungkin menjadi lebih baik," katanya.